

MEMO

Tarikh : 19 Januari 2022 Rujukan : KMJ.700-1/1/1 ()

Kepada : Pelajar Salinan : Ketua-ketua Jabatan
Ketua-ketua Unit
Ketua PP Kaunseling
PP Peperiksaan
Penyelia Asrama
Ketua Felo
Pensyarah
Ketua Pengawal Keselamatan Kolej

Daripada : Timbalan Pengarah

Saudara/i

PEMAKLUMAN TARIKH MENDAFTAR MASUK PELAJAR PROGRAM SISTEM EMPAT SEMESTER (SES) AMBILAN 2021/2022

Dengan segala hormatnya, izinkan saya menarik perhatian pelajar Kolej Matrikulasi Johor berkaitan perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, semua pelajar Program Sistem Empat Semester (SES) Kolej Matrikulasi Johor akan memulakan proses pembelajaran secara bersemuka di kelas praktikum masing-masing mulai sesi semester II ini. Sehubungan dengan perkara tersebut, pelajar yang berkenaan dikehendaki melapor diri pada:-

Tarikh : 06 Februari 2022
Hari : Ahad
Masa : 8.00 pagi hingga 3.00 petang

3. Di dalam proses pendaftaran masuk ini, pihak kolej akan merujuk kepada Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi 3.0 Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu hanya pelajar yang telah **lengkap divaksinasi** sahaja dibenarkan mendaftar masuk bagi mengikuti proses pembelajaran secara bersemuka.

5. Pelajar **dikehendaki** melakukan Ujian Saringan Kendiri Covid-19 iaitu 15 minit lebih awal sebelum tiba ke pintu masuk kolej dan menunjukkan keputusan ujian tersebut kepada pegawai yang bertugas ketika proses pendaftaran. Pelajar juga **akan** melakukan Ujian Saringan Kendiri Covid-19 pada hari ke-6 dan akan menjalani **proses isolasi** selama 7 hari di blok kediaman masing-masing. Untuk tujuan tersebut, pelajar perlu menyediakan **dua (2) set Ujian Kendiri Covid-19 (RTK Saliva)**.

6. Ketika proses pendaftaran, pelajar diarah pulang sekiranya:-

- 6.1 Pelajar gagal melepasi ujian saringan suhu (bacaan suhu badan melebihi 37.5°C)
- 6.2 Pelajar gagal menunjukkan surat pengisytiharan kesihatan yang telah lengkap diisi (**borang boleh dimuat turun dari laman web rasmi KMJ**)
- 6.3 Pelajar gagal mengemukakan sijil digital vaksin MySejahtera
- 6.4 Pelajar dan pengiring menunjukkan gejala seperti batuk / demam / selsema.
- 6.5 Keputusan positif pada ujian saringan sendiri Covid-19 (RTK Saliva).

7. Pelajar yang berkenaan perlu menangguhkan pendaftaran masuk ke kolej dan melengkapkan maklumat yang diperlukan dengan mengimbas Kod QR di bawah sekiranya:-
- 6.1 Belum divaksinasi / Tidak lengkap divaksinasi.
 - 6.2 Mengalami gejala seperti batuk / demam / selsema ketika di rumah.
 - 6.3 Sedang menjalani kuarantin disebabkan PUI dan Covid-19
 - 6.4 Pelajar yang diarah pulang kerana gagal Ujian Saringan Kesihatan di pintu masuk kolej dan Ujian Kendiri Covid-19 (RTK-Saliva).



9. Kerjasama dari semua pihak sangat diharapkan dan pihak kolej mengucapkan terima kasih.

Sekian.

“ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MUHAMAD FARIQ BIN CHE MEE)

Timbalan Pengarah, Kolej Matrikulasi Johor,
Kementerian Pendidikan Malaysia.